

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 31 MAC 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4

Jumlah daftar, kemas kini PADU naik mendadak

Jumlah daftar, kemas kini PADU naik mendadak

Lebih 9.8 juta rakyat berjaya mengemaskini maklumat setakat kelmarin

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jumlah individu yang mengemaskini maklumat dalam Pangkalan Data Utama (PADU) meningkat secara mendadak menjelang tarikh akhir pendaftaran hari ini.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata setakat jam 11.59 malam kelmarin, lebih 9.8 juta rakyat di negara ini berjaya mengemas kini maklumat mereka di PADU.

"Kadar pendaftaran dan pengemaskinan PADU naik mendadak sejak dua hari lalu, mungkin makin ramai sedar dan risau akan keciciran. Belum terlambat lagi untuk daftar. Layari www.padu.gov.my atau pergi ke kaunter PADU berhampiran kawasan anda," katanya dalam Facebook, semalam.

Hasilkan analitik berkala

Pada 2 Januari lalu, PADU dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai pangkalan data berkaitan maklumat asas demografi, pendidikan, pekerjaan, pendapatan, komitmen dan bantuan yang diterima rakyat.

Objektifnya untuk menyediakan pangkalan data utama negara bagi penghasilan analitik berkala dan digitalisasi tanpa ketirisan, menggubal dasar dan proses membuat keputusan berpacuan data serta mengim-

"Kadar pendaftaran dan pengemaskinan PADU naik mendadak sejak dua hari lalu, mungkin makin ramai sedar dan risau akan keciciran. Belum terlambat lagi untuk daftar

Rafizi Ramli, Menteri Ekonomi

Orang ramai mengunjungi kaunter untuk mengemas kini maklumat dalam PADU di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

bangi kedudukan fiskal menerusi pelaksanaan dasar secara bersasar.

Rafizi sebelum ini dilaporkan berkata, penyasararan semula subsidi nanti akan menggunakan maklumat yang ada dalam sistem PADU.

Dalam pada itu, menerusi Facebook rasmi PADU, ia menun-

juukkan Selangor menjadi negeri paling tinggi mengemas kini PADU, iaitu sebanyak 1.56 juta diikuti Johor (1.10 juta), Perak (0.98 juta), Sarawak (0.90 juta), Sabah (0.83 juta) dan Kedah (0.76 juta).

Negeri lain ialah Kelantan dengan 0.76 juta, Kuala Lumpur (0.57 juta); Pulau Pinang (0.56 juta); Pahang (0.55 juta); Terengganu (0.46 juta); Negeri Sembilan (0.42 juta); Melaka (0.30 juta); Perlis (0.11 juta); Putrajaya (0.3 juta) dan Labuan (0.2 juta).